

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 8.

BANDAR BRUNEI, 19 APRIL, 1961 (4 Zulkaedah 1380).

PERCHUMA.

MINGGU BAHASA KEBANGSAAN:

D.P.B. ISHTIHARKAN PEMBUKAAN PADA 10 APRIL '61

BANDAR BRUNEI. — Lebih 5,000 orang yang terdiri dari penduduk2 Negeri Brunei telah membanjiri tanah lapang di-hadapan bangunan Jabatan Kerajaan kerana mengambil bahagian dan menyaksikan upacara pembukaan rasmi Minggu Bahasa yang telah berlangsung pada 10 April pukul 8.30 pagi sa-bagai bermula-nya pelancaran langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu yang di-anjorkan oleh Kerajaan.

Turut hadir dalam upacara itu ia-lah pegawai2 Kerajaan yang terdiri dari Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, ketua2 pejabat sa-lain ketua2 Kampong dan wakil2 kaum di-Negeri Brunei.

Upacara pembukaan rasmi itu telah di-mulakan dengan ucapan2 dari Pengerusi Minggu Bahasa, Yang Berhormat Inche' Idris bin Babji; Wakil Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Inche' Wan Ahmad bin Omar; Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Tuan D.C. White; wakil dari orang2 China, Inche Lim Boon Koon, wakil dari orang2 India, Inche' A. Muthian dan lain2.

KESELUROHAN UCHAPAN2

Keseluruhan ucapan2 itu pada pokok-nya ia-lah merayakan Minggu Bahasa yang di-lancarkan pada hari itu umum-nya dan menggesa supaya menggalakkan pemakaian bahasa Melayu oleh penduduk2 negeri ini sesuai dengan maksud Perlembagaan Negeri Brunei, khusus-nya.

Ucapan2 itu di-akhiri oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara sa-bagai perasmian bermula-nya pelancaran Minggu Bahasa Kebangsaan seluruh Negeri Brunei yang di-mulai dari 10 hingga 16 April yang lalu.

Pagi hari itu hujan turun renyai2 menjelmakan udara se-



Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara

jok nyaman sa-olah2 penghormatan pada upacara yang mengukir sejarah dan pertama kali diadakan itu yang dapat di-rasa oleh orang2 yang mengambil bahagian dalam upacara tersebut.

Perarakan2 yang berjumlah 44 pasokan yang mengambil bahagian dalam upacara itu yang terdiri dari murid2 sekolah Melayu Bandar Brunei dan sekolah2 Melayu luar bandar, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, sekolah China dan

Missi, Maktab Perguruan Melayu Brunei, orang2 China dan India dan Jabatan Laut Brunei telah berjalan melalui jalan2 raya di-Bandar Brunei sa-baik sahaja perisytiharan pembukaan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, antara-nya :

"Saya berharap kepada penduduk2 negeri ini akan bekerja sama dalam menjayakan Minggu Bahasa yang di-mulakan pada hari ini. Dengan ini saya ishtiharkan perasmian-nya."

Sa-telah itu Lagu Minggu Bahasa di-mainkan oleh Pasokan Pencharagam Pulis dan berikutnya Lagu Kebangsaan Negeri Brunei sa-bagai tamat-nya upacara itu.

Pasokan Pencharagam Pulis dengan memainkan Lagu Minggu Bahasa telah menjadi kepala perarakan2 itu yang tidak kurang sa-batu panjang-nya.

Pasokan2 perarakan itu berjalan dengan chergas sambil (Lihat Muka Tujoh)

ISTIADAT2 PEMBUKAAN M.B.

BANDAR BRUNEI. — Tiga istiadat2 pembukaan berhubung dengan sambutan Minggu Bahasa Kebangsaan telah diadakan di-Bandar Brunei pada hari Ithnin 10 April yang lalu.

Pukul 8.30 pagi hari tersebut Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah merasmikan pembukaan Minggu Bahasa Kebangsaan di-hadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei.

Dua jam kemudian, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Pameran Buku2 di-dewan Pusat Kemasyarakatan Bandar Brunei.


Pada sa-belah malam pula, Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Timbalan Setia Usaha Kerajaan telah merasmikan pembukaan peraduan2 akhir bagi menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan di-Bandar Brunei.

Sa-lain dari itu istiadat2 pembukaan Minggu Bahasa telah diadakan di-Kuala Belait, Tutong dan Temburong pada pagi hari Ithnin 10 April juga.

Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali, Pegawai Daerah, Kuala Belait telah merasmikan pembukaan Minggu Bahasa di-Daerah Kuala Belait.

Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammed Salleh Pegawai Daerah Tutong, merasmikan pembukaan Minggu Bahasa di-Daerah Tutong.

Yang Mulia Inche Ajmain bin Abdul Razak Pegawai Daerah Temburong, merasmikan pembukaan Minggu Bahasa di-Daerah Temburong.



Pada masa di-langsungkan istiadat pembukaan rasmi Minggu Bahasa Kebangsaan di-Brunei pada pagi hari Ithnin 10 April yang lalu.

DAERAH BELAIT MEMENANGI BANYAK HADIAH M.B.

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan2 akhir Minggu Bahasa Kebangsaan di-sini pada malam Ithnin yang lalu.

Di-antara ramai yang hadir di-istiadat tersebut ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D. C. White, dua orang putera2 Duli Yang Maha Mulia dan lain2-nya.

Daerah Belait telah memenangi kebanyakan daripada hadiah2 dalam peraduan2 akhir Minggu Bahasa bagi seluruh Negeri Brunei — turut oleh Daerah2 Brunei — Muara, Tutong dan Temburong.

Beribu2 orang dari berbagai2 bangsa lelaki dan perempuan telah membanjiri bandar ini selama tujuh malam berturut2 mulai daripada malam 10 April untuk menyaksikan ranchangan2 yang telah di-jalankan bagi menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan itu.

Peraduan2 akhir yang telah di-langsungkan pada masa tersebut bertempat di-sabua pentas yang khas di-bena di-tanah lapang berhadapan pasar ia-lah peraduan2 Bahath, Membacha Sajak, Nyanyian dan Sharahan terbuka kepada orang2 dewasa dan kanak2 Melayu lelaki dan perempuan.

Sa-lain dari itu Ahli2 Jawatan Kuasa Sandiwara Minggu Bahasa Kebangsaan telah mempersembahkan sa-buah lakonan bertajok, "Kembali ke-Pangkuan Ibu Pertiwi", gubahan Inche Yusof bin Haji Abdul Kadir. Sandiwara itu di-arahkan ber-

sama oleh Inche Abdul Wahab Mohamed dan Inche Ibrahim Ali.

Penuntut2 Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei telah mempersembahkan sa-buah tablo, "Pengiran Bendahara Sakam" di-arahkan oleh Inche Sulaiman Chuchu, manakala 3 buah lagi tablo telah di-persembahkan oleh Gabungan Pemuda dan Pemuda Brunei di-bawah arahan Inche Muhammad bin Haji Sarudin bertajok, "Kembali-nya Kedaulatan Bahasa", "Keris Pusaka" dan "Mahkota Berdarah".

PEKERJAAN DI-LAPANGAN TERBANG

BANDAR BRUNEI — Mulai dari 18 April, 1961 pekerjaan di-lapangan terbang, Brunei yang telah di-tutup pada 16 dan 17 April ada-lah penuh seperti biasa dengan di-tambah-nya landasan yang baharu di-bena sa-jauh 500 kaki yang menjadikan jumlah landasan itu sa-jauh 6,300 kaki. Demikian di-umumkan oleh Pemangku Pengawal Penerbangan Awam, Brunei.

Perkembangan Bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI — Minggu ini ia-lah sa-bagai minggu chubaan — chubaan tentang kekuatan, kebolehan dan kesanggupan bahasa Melayu dalam pemakaian-nya pada seluruh lapisan penduduk2 negeri ini.

Demikian telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara sa-bagai Pengerusi Minggu Bahasa dalam ucapan-nya di-upacara pembukaan rasmi Minggu Bahasa pada 10 April yang lalu di-hadapan bangunan Jabatan Kerajaan Brunei.

Inche Idris berkata :

"Minggu Bahasa ini di-adakan bertujuan menggalakkan perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu dalam semua lapangan untuk menjadikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal di-negeri ini."

Beliau juga menyatakan bahawa pada masa ini berbagai2 usaha telah di-jalankan oleh Kerajaan untuk mengembangkan bahasa Melayu, antara-nya kata beliau seperti mengadakan kelas2 untuk pegawai2 yang bukan Melayu.

Peraduan Sharahan M. B.

BANDAR BRUNEI — Para peserta yang berjaya dalam peraduan akhir sharahan kerana menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan yang telah di-adakan di-sini pada minggu lepas, ada-lah seperti berikut:

Orang2 dewasa Melayu bahagian lelaki: 1. Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Paduka Diraja Abang Haji Bujang, Belait. 2. Inche Thani bin Muhammad, Brunei. 3. Inche Abdul Hamid bin Jumaat, Belait.

JOHAN PEREMPUAN

Orang2 dewasa Melayu bahagian perempuan: 1. Dayangku Zainab binti Pengiran Abas, Belait. 2. Puan Halimah binti Muhammad, Tutong. 3. Puan M.S. Rafiah, Tutong.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Chia Tian Cheng, Belait. 2. Inche Ang Kuang Keng, Brunei. 3. Inche Chua Kong Ann, Belait.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Sister Chin, Belait. 2. Puan Thelma Teo, Belait. 3. Puan Tong Tiang Kee, Tutong.

Murid2 Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Ibrahim Jalil, Belait. 2. Inche Saini bin Ya'akub, Belait. 3. Awangku Kahar bin Pengiran Metali, Tutong.

Murid2 Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Maisalamah binti Inam Sharbini, Belait. 2. Dayangku Saimah binti Pengiran Damit, Belait. 3. Puan Halimah binti Muhammed, Tutong.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Fabian Ho, Belait. 2. Inche Song Kim Foh, Tutong. 3. Inche Lim Eng

Hui, Brunei.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Doris Chen, Belait. 2. Puan Chong Siew Yong, Belait. 3. Puan Tong Teng Kee, Tutong.

Persatuan Penuntut2 Brunei Maktab Penguruan Kota Bharu

BANDAR BRUNEI — Penuntut2 dari Negeri Brunei yang belajar di-Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan telah menubuhkan sa-buah persatuan baharu2 ini.

Persatuan itu bernama, "Persatuan Penuntut2 Brunei, Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan."

Tujuan utama persatuan tersebut ia-lah menjaga keselamatan penuntut2 Brunei di-maktab tersebut, merapatkan tali persahabatan penuntut2 Brunei di-luar negeri, menjaga akhlak penuntut2 Brunei baik pada masa di-dalam maktab atau di-luar kawasan maktab.

TUJUAN

Di-antara lain2 tujuan persatuan itu ia-lah memberi sa-barang pertolongan yang di-fikirkan perlu kepada penuntut2 Brunei di-maktab itu, menggalakkan penuntut2 Brunei bekerja sama dalam segala lapangan dan memperkakan di-maktab itu, melancarkan diri hidup bermasyarakat, memperkenalkan kesenian dan kebudayaan Negeri Brunei dan memajukan dalam lapangan soka.

Chegu Karim bin Shariff, pendarah kanan di-maktab tersebut telah di-lantek menjadi penasehat persatuan penuntut2 Brunei di-Maktab Perguruan Kota Bharu, manakala ahli2 jawatan kuasa

persatuan itu yang di-lantek dalam meshuarat agong-nya baharu2 ini ada-lah seperti berikut :

Yang di-pertua Awangku Mustapha bin Pengiran Metas-

san, Setiausaha kehormat — Inche Umar bin Ahai. Bendahari kehormat — Inche Mohamed Noor bin Mohamed Salleh. Setiausaha sokan — Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit. Setiausaha kesenian, kebudayaan dan persuratan — Puan Aisah binti Yusof dan penolong-nya — Inche Anuar bin Haji Hamid.

Ahli2 jawatan kuasa — Sheikh Hamid bin Sheikh Nikman, Puan Zainon binti Latif dan Puan Haf-sah binti Haji Mohiddin.



Pegawai2 Persatuan Penuntut2 Brunei Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan bergambar ramai bersama2 dengan pengetua dan pendarah kanan maktab tersebut.

Dari kiri barisan hadapan — Inche Umar bin Ahai, Puan Aisah binti Yusof, Inche A.D. Bumford (pengetua Maktab Perguruan Kota Bharu), Awangku Mustapha bin Pengiran Metasan, Inche Karim bin Shariff (pendarah kanan maktab tersebut), Puan Zainon binti Latif dan Puan Haf-sah binti Haji Mohiddin. Barisan di-belakang ia-lah dari kiri — Inche Mohamed Noor bin Mohamed Salleh, Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit, Sheikh Hamid bin Sheikh Nikman, dan Inche Anuar bin Haji Hamid. — Gambar dari Ak. Mustapha bin Pengiran Metasan.



Inche Lim Boon Koon



Gambar kanan sa-kali ia-lah Yang Mulia Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan bin Uking, wakil orang2 Dusun dan kiri sa-kali ia-lah Inche Lim Boon Koon, yang di-pertua Dewan Perniagaan China, Bandar Brunei yang telah berucap di-istiadat pembukaan Minggu Bahasa di-Bandar Brunei. Gambar P.P.N.B. Gambar atas kiri Dayangku Zainab binti Pengiran Abas johan sharahan orang2 dewasa perempuan Melayu sa-negeri ini dan kanan Inche Chia Tian Ching keli-hatan menerima hadiah dari Pegawai Daerah Belait Y.B. Pengiran Abu Bakar di-Kuala Belait pada malam 30 March, 1961. — Gambar Mei Hua Studio, K. B.



O.K.P.D. Lukan

Keputusan2 Meshuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dasar Pelajaran Negeri Brunei yang sesuai dengan kemajuan zaman akan di-minta oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei supaya Kerajaan mengadakan-nya dengan sa-berapa segera, kerana perkara ini telah di-ajukan pada tiga ta-hun yang lalu.

Ini, ia-lah satu dari pada be-berapa keputusan yang telah di-ambil oleh PGGMB dalam meshuarat agong-nya yang berlang-song pada 24 March lepas di-de-wan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Lain2 keputusan yang telah di-ambil dalam sidang itu ia-lah:
♦ Mendesak Kerajaan supaya mengadakan Sekolah Menengah Melayu; dan

♦ Meminta pada Kerajaan su-paya mengadakan Rancangan Pelajaran Ka-Sekolah2 Melayu Melalui Radio. Tugas ini di-serahkan kepada Jawatan Kua-sa Tadbir untuk mengkemukan kepada Kerajaan.

Menerangkan perkara2 yang akan di-minta kepada Kerajaan itu, Inche' Abd. Hamid Othman, Penolong Setia Usaha PGGMB berkata bahawa keputusan2 yang telah di-ambil itu ada-lah di-da-sarkan sesuai dengan keadaan Negeri Brunei sekarang ini yang

sedang membangun menuju per-kembangan-nya.

Inche' Abd. Hamid berkata:
"Oleh kerana "dasar pelaja-ran" itu telah di-minta pada tiga tahun yang lalu, maka sebab itu-lah PGGMB berpendapat per-kara itu perlu di-segerakan. Per

kara ini PGGMB bersedia akan mengusulkan "dasar pelajaran" jika Kerajaan mahu menerima-nya."

Sekolah Menengah Melayu yang di-minta supaya Kerajaan mengadakan-nya itu ia-lah ber-dasarkan pada masa ini di-Negeri Brunei telah ada "darjah lanjut" yang di-anggap sama taraf-nya dengan Sekolah Menengah Melayu yang di-ura2kan itu, te-tapi sa-balek-nya bukan Sekolah Menengah sa-benar-nya kalau di-tinjau dari mata pelajaran dan alatan-nya.



Pemandangan pada mesa mashuarat agong tahunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah di-langsungkan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin tidak berapa lama dahulu.

"Murid2 yang lulus dari dar-jah tersebut hanya layak jadi pulis dan peon sahaja"; tambah beliau.

Penolong Setia Usaha Agong PGGMB itu menegaskan baha-wa perkara ini PGGMB bersedia akan bekerja sama dengan Kera-jaan.

Berchakap tentang Rancha-ngan Pelajaran Melalui Radio yang di-pohonkan kepada Kera-jaan itu, Inche' Abd. Hamid men-jelaskan bahawa dengan itu akan memudahkan menyampaikan mata pelajaran yang sama kepada semua sekolah dengan di-ambil peranan-nya oleh sa-orang guru yang benar2 berkecayaan dalam perkara itu sa-bagaimana yang telah di-lakukan di-negara2 yang telah maju, Persekutuan Tanah Melayu, mithal-nya.

"Perkara ini tidak sulit menga-dakan-nya jika ada kerja sama Jabatan Pelajaran dengan Jaba-tan Radio", tegas beliau.

PERADUAN BAHATH

BANDAR BRUNEI — Kuala Belait telah berjaya menjadi jo-han dan naib johan dalam pera-duan bahath bagi menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan yang telah di-langsungkan di-sini pada minggu yang lalu.

Gelaran yang ketiga di-mena-nji oleh Daerah Brunei — Muara.

Keputusan penoh peraduan ba-hath yang bertajok, "tidak mustahak mempelajari Bahasa Kebangsaan" ada-lah seperti di-bawah ini.

Johan — Pasokan Daerah Be-lait mengandungi Chegu Abdul-lah bin Ali Hassan, Puan Sater Chin dan Inche Richard Guey.

Naib johan — Pasokan Daerah Belait terdiri dari Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Haji Abang Bujang, Inche Chua Kong Soo dan Inche Chia Tian Ching.

Gelaran yang ketiga — Pasokan Daerah Brunei — Muara yang di-wakili oleh Inche Mohamed Yu-sof bin Muhammad, Inche Lim Eng Loke dan Inche Lim Eng Lui.

JOHAN PERADUAN MENYANYI— DAYANGKU IRING

BANDAR BRUNEI — Dayangku Iring binti Pengiran Mo-hamed Said, sa-orang daripada penyanyi2 yang terkenal di-negeri ini yang telah mendapat gelaran yang ketiga dalam pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1961, telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan menyanyi orang2 dewasa Melayu bahagian perempuan dalam peraduan akhir menyanyi kerana menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan di-sini pada minggu yang lalu.

Keputusan penoh pertandingan menyanyi itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Orang2 dewasa Melayu baha-gian perempuan: 1. Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said, Belait. 2. Puan Aisah binti Suraj, Brunei dan 3. Puan Asmah binti Awang Tengah Tutong.

Orang2 dewasa Melayu baha-gian lelaki: 1. Inche Aluan bin Jala, Belait. 2. Awangku Emran

bin Pengiran Manai, Brunei. 3. Inche Sidek bin Long, Belait.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Grace Keasbery, Brunei. 2. Puan Poong Kim Ping, Brunei dan Puan Chang Yee Lan, Belait.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Chua Kong Ann, 2. Inche Bal-chua Kong Singh, Brunei. 3. Inche Jack Keasbery, Brunei.

Murid2 sekolah Melayu baha-gian perempuan: 1. Puan Rosnah binti Taha, Belait. 2. Dayangku Sunah Belait. 3. Puan Zubaidah binti Puan, Brunei.

Murid2 sekolah Melayu baha-gian lelaki: 1. Inche Jaleh bin Haji Omar, Brunei. 2. Awangku Zaidi bin Pengiran Damit, Brunei dan 3. Inche Suhaili bin Ibrahim, Temburong.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Mary Chen, Brunei. 2. Puan Nyet Lan, Brunei. 3. Puan Tan Kai Yong, Belait.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Lim Teck Kok, Tutong. 2. Inche Bar-nard Loh, Brunei dan 3. Inche San Sen Kwang, Temburong.

PEMBUKAAN PERADUAN2 AKHIR M. B. KEBANGSAAN

BANDAR BRUNEI. — Memang benar dalam Perlembagaan Negeri Brunei ini ada tertulis bahawa bahasa rasmi negeri ini ialah Bahasa Melayu dan Kerajaan Brunei telah menjalankan dasar itu semenjak beberapa bulan dahulu. Demikian kata Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Timbalan Setia Usaha Kerajaan dalam ucapan beliau pada masa mengisytiharkan pembukaan rasmi peraduan2 akhir Minggu Bahasa sa-negeri ini di-Bandar Brunei pada malam 10 April yang lalu.

Terlebih dahulu Dato Setia Marsal telah mengucapkan ber-banyak2 terima kasih atas kesudian Jawatan Kuasa Minggu Bahasa menjemput beliau untuk merasmikan pembukaan peraduan2 yang berkaitan dengan perkembangan bahasa Melayu pada malam tersebut.

Sa-bagai mana yang telah di-ma'alum, kata Dato Setia Marsal, bahawa mulai dari malam tersebut sa-hingga ka-malam 16 April, 1961 peraduan2 sharahan, membaca sajak, nyanyian dan bakhath di-adakan di-tempat tersebut mulai dari jam 7.30 malam, dan peraduan2 itu bukan sahaja terbuka kepada orang2 Melayu tetapi juga terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu.

PERTADBIRAN KERAJAAN

Sa-lanjut-nya Dato Setia Marsal berkata bahawa boleh-lah dikatakan ia-itu sa-bahagian besar daripada hal ahwal pertadbiran, Kerajaan negeri ini telah menjalankan dalam bahasa rasmi, ia-itu Bahasa Melayu.

Pada fikiran dan pendapat beliau sendiri tiada-lah apa2 kesulitan besar menjalankan pertadbiran Kerajaan dalam negeri dengan bahasa rasmi itu keseluruhan-nya dan beliau berharap tidak berapa lama lagi segala hal-ahwal Kerajaan dalam negeri ini akan dapat di-jalankan dengan menggunakan Bahasa Melayu semata2, sungguh pun kaki tangan Kerajaan ada-lah terdiri dari berbagai2 rupa bangsa.

Dato Marsal berkata lagi,

Pemenang2 perarakan Minggu Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei telah berjaya memenangi dua hadiah dan Sekolah Menengah China Chung Hwa Bandar Brunei telah juga memenangi dua hadiah dalam perarakan bagi menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan di-Bandar Brunei pada pagi 10 April yang lalu.

Dalam perarakan tersebut telah di-pasukkan dua Statu Perutusan Guru2 Melayu Brunei telah menjadi johan dan naib johan. Manakala gelaran yang ketiga di-menangi oleh Sekolah Menengah China Chung Hwa, Bandar Brunei.

Perarakan bahagian perempuan. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri menjadi johan. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah menjadi naib johan dan Sekolah Melayu Berakas mendapat gelaran yang ketiga.

Chogan kata yang terbaik sa-kali di-menangi oleh pasukan Sekolah Menengah China, Chung Hwa, Bandar Brunei.

"Tujuan utama di-adakan Minggu Bahasa ini ialah bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dan memberi peluang kepada orang2 yang bukan Melayu khas-nya kepada kaki tangan Kerajaan Brunei dan 'am-nya kepada sekalian penduduk negeri ini, lebeh2 menggunakan Bahasa Melayu.

"Sungguh pun banyak kaki tangan Kerajaan yang bukan orang Melayu sedang sibok belajar Bahasa Melayu pada masa ini, hendak-lah di-ingati bahawa pelajaran itu akan tertinggal begitu sahaja jikalau mereka tidak mengamalkan dan melazimkan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu.

"Dari itu, saya berseru utama-nya kepada orang2 yang bukan Melayu, gunakan-lah Bahasa Melayu bukan sahaja dalam masa berjalan-nya Minggu Bahasa ini, tetapi di-sagenap masa di-hadapan sa-terus-nya.

SHARIKAT PERNIAGAAN

"Saya tidak juga ketinggalan menyeru kepada sharikat2 perniagaan yang di-punyai oleh orang2 yang bukan Melayu bekerjasama menggunakan Bahasa Rasmi dalam perhubungan dan urusan mereka dalam negeri ini supaya dasar Kerajaan menggunakan Bahasa Melayu itu dapat di-laksanakan dengan sa-penoh2 kejayaan.

"Jikalau tiap2 penduduk negeri ini, sama-ada dari orang2 Melayu atau orang2 yang bukan Melayu, dapat menggunakan Bahasa Melayu semata2 dalam perhubungan dan pergaulan mereka, saya percaya bahawa perasaan, saling mengerti dan sa-lahaman antara satu dengan lain akan dapat di-perbaiki". Kata-nya.

Dato Setia Marsal telah juga mengucapkan tahniah kepada Jawatan Kuasa Minggu Bahasa kerana dapat mengot peraduan2 yang telah di-langsungkan di-sini yang bukan sahaja terbuka kepada orang2 Melayu bahkan juga kepada orang2 yang bukan Melayu.

Beliau berharap mudah2an chogan "Bahasa Jiwa Bangsa" itu dapat di-laksanakan dengan sa-benar2-nya dan tidak tinggal sa-bagai chogan sahaja.



Satu lagi pemandangan pada masa di-adakan perarakan menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan di-Bandar Brunei pada pagi 10 April, 1961.

Kedaulatan Bahasa Melayu Bersinar

BANDAR BRUNEI. — Bahasa Melayu yang telah di-terima sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi bagi Negeri Brunei memang-lah kena pada tempat-nya. Demikian kata Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara Brunei sa-bagai menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan yang telah di-adakan baharu2 ini.

Oleh itu, kata Inche Idris, ada-lah menjadi tanggung jawab kepada penduduk2 negeri ini untuk menentukan kedaulatan Bahasa Melayu supaya dapat dengan sa-penoh-nya menjadi Bahasa Kebangsaan di-Negeri Brunei.

Moga2 kedaulatan Bahasa Melayu pada zaman yang lampau akan bersinar dengan chemerlang-nya pada zaman ini dan untuk melaksanakan chita2 tersebut jangan-lah hendak-nya 'ternanti' oleh sa-suatu, mengharap-kan sa-suatu untuk kejayaan Bahasa Kebangsaan, atau pun kita menantikan beberapa tahun yang akan datang.

Inche Idris berkata lagi bahawa jangan-lah chuma mengharap-kan orang bijak pandai sahaja berusaha untuk melaksanakan chita2 kita, tetapi juga terletak dan menjadi tanggung jawab kepada semua umat negeri ini, khas-nya kaum terpelajar, guru2 dan orang2 yang benar berjiwa kebangsaan untuk memperkembangkan Bahasa Melayu ini sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi yang tunggal di-negeri ini.

Beliau berharap sa-moga kerjasama dan tolong menolong dalam soal ini memang-lah sangat di-kehendaki supaya jangan chita2 tersebut hanya tinggal chita2 sahaja.

Sa-bagai Pengerusi Jawatan Kuasa Minggu Bahasa Sa-Negeri Brunei Yang Bernormat Inche Idris bin Babji menyeru kapda

sekalian lapisan penduduk negeri ini, tidak di-kira bangsa dan puak, supaya bersama2 menunaikan tujuan Minggu Bahasa ini—ia-itu khas-nya tujuan hendak menunaikan penggunaan dan perkembangan Bahasa Melayu.

"Jadikan-lah Minggu ini Minggu Chubaan—chubaan tentang kekuatan dan kebolehan Bahasa Melayu. Mari-lah kita bersama2 menetapkan sa-takat mana-kah kekuatan dan kebolehan bahasa kita ini dan sa-takat mana-kah sa-balek-nya kelemahan-nya sa-kira-nya ada?

"Sa-belum chuba, sa-belum tahu"—jadi wajib-lah kita sekalian penduduk2 negeri ini dengan bersungguh2 dan dengan perasaan tulus ikhlas chuba menggunakan Bahasa Melayu di-faham serba serbi penggunaan bahasa tiap2 hari di-dalam sa-minggu ini dan sa-kira-nya di-dapati penggunaan Bahasa Melayu ini lichi, senang dan tidak mendatangkan gangguan apa2 sila-lah terus meneruskan menggunakan-nya", kata-nya lagi.

Akhir-nya Inche Idris berharap jangan-lah pula apabila lenyap sahaja Minggu Bahasa lenyap dan layu-lah pula semangat dan tujuan2 kita terhadap Bahasa kita ini.



SAMBUTAN MINGGU BAHASA KEBANGSAAN DI-BRUNEI

(1) Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof, Pengerusi Pameran Buku2 M.B. kelihatan berucap dalam upacara pembukaan Pameran Buku2. (2) Kadhi Besar, Y.A.M. Pengiran Shahbandar (di-tengah) sa-masa melewati ka-Pameran Buku2. (3) Satu pemandangan jemputan2 ihas dalam masa upacara pembukaan Pameran Buku2. (4) Pemandangan Pameran Buku2. (5) Y.B. Inche Idris bin Babji, Pengerusi M.B. sedang berucap pada masa pembukaan M.B. (6), (7), (10), (11) (12) — Pemandangan2 perarakan M.B. di-Bandar Brunei. (8) Y.B. Dato Setia Mersal, Timbalan S.U.K. memberi ucapan pembukaan rasmi Perarakan2 M.B. Kebangsaan dan (9) Satu pemandangan para pelawat ka-Pameran Buku2 — Gambar P.P.N.S.



Peraduan 2 Minggu Bahasa

Gambar2 ini ialah di-antara pemandangan2 pada masa di-langsungkan Peraduan2 Minggu Bahasa Daerah Brunei — Muara di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dari 26 March hingga 30 March, 1961.

Di-kanan: Kelihatan Pemangku Pegawai Daerah Brunei-Muara, Inche Sunny bin Ahmad menyampaikan hadiah kepada Inche Balwant Singh. — Gambar2 P.P.N.B.



BAWAH — DI-KUALA BELAIT.



GAMBAR2 ATAS — DI-BANDAR BRUNEI.



Sa-bilangan dari gambar2 yang telah di-ambil pada masa di-langsungkan Peraduan2 Minggu Bahasa Daerah Belait-Seria mulai dari 28 March hingga 30 March di-Kuala Belait — Gambar2 Mei Hua Studio, Kuala Belait.

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI UTAMAKAN BAHASA MELAYU

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-sini telah melakukan perubahan yang pesat menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam mengubah papan nama dan nama jawatan pegawai-nya dalam gerakan Minggu Bahasa yang telah lalu.

Perubahan dari bahasa Inggeris ka-bahasa Melayu itu bukan sahaja takat menukar nama pegawai2 dan nama2 pejabat-nya bahkan urusan perhubungan pentadbiran-nya pun di-buat dalam bahasa Melayu sama ada di-dalam dan luar negeri yang menasabah di-buat demikian.

Ini, telah di-nyatakan oleh Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pemangku Pegawai Penerangan Negara sa-laku Pengurus Kempen Minggu Bahasa. "Perkara ini dapat saya pastikan dalam masa rombongan Jawatan Kuasa Kempen Minggu Bahasa melawat ka-Seria dan Kuala Belait pada 15 April lepas, rombongan kami berkesempatan melawat Jabatan Sharikat

Minyak Shell Brunei Berhad", kata Pengiran Puteh.

Beliau juga menjelaskan bahawa berbanding dengan jabatan2 bangsa asing di-negeri ini maka Sharikat tersebut ada-lah mendapat tempat pertama dalam langkah penukaran bahasa Inggeris kepada Melayu.

Menurut sa-orang pegawai kanan sharikat tersebut, Pengiran Puteh menjelaskan bahawa penu-

karan yang pesat itu bukan hanya di-usahkan dalam Minggu Bahasa sahaja bahkan telah di-lakukan dua tiga bulan sa-belum menjelang minggu tersebut mereka telah menjalankan tugas kerana menukar perkataan yang asal-nya bahasa Inggeris itu di-ganti dengan bahasa Melayu dengan berpandukan kamus2 dan istilah2 dari Persekutuan Tanah Melayu disesuaikan dengan chara berfikir orang2 Melayu di-sini:

"Hasil dari usaha kami yang

berlarut2 itu dan azam yang benar2 itu-lah maka kami dapat menukar papan2 nama, nama pegawai dan urusan tulis menulis dengan bahasa Melayu kata wakil SMSBB itu", tegas beliau.

Pengiran Puteh berkata: "SMSBB juga menyatakan keyakinan-nya bahawa bahasa Melayu akan di-gunakan terus menerus bukan sahaja dalam gerakan Minggu Bahasa bahkan dalam semua urusan yang boleh di-gunakan dengan bahasa Melayu.

PERADUAN SAJAK M. B.

BANDAR BRUNEI. — Di-bawah ini ia-lah keputusan peraduan2 akhir Membacha Sajak bagi menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan:

Orang2 dewasa Melayu bahagian lelaki: 1. Sulaiman Meter-sad, Brunei. 2. Pengiran Hidup, Pengiran Tengah, Belait. 3. Bichu bin Arif, Belait.

Orang2 dewasa Melayu bahagian perempuan: 1. Puan M.S. Chh, Tutong. 2. Puan Nae-ma, binti Awang Tengah, Brunei. Puan Noridah binti Muhammad, Brunei.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Chua Kong Ann, Belait. 2. Inche Lim Joo, Brunei dan 3. Inche Sawant Singh, Brunei.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Thelma Teo, Belait. 2. Sister Chin, Belait. 3. Puan Chong Kim Hock, Tutong.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Yeo Yong, Belait. 2. Inche Lim Teck Kok, Tutong. 3. Inche Song Kim Fah, Tutong.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Mary Chen, Brunei. 2. Puan Normah Sundai, Belait. 3. Puan Wee Chin Shain, Temburong.

Murid2 Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Adnan bin Taha, Tutong. 2. Inche Abu Bakar bin Ghani, Brunei. 3. Awangku Ali bin Pengiran Abdul Rahman, Belait.

Murid2 Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Maisalamah

binti Imam Sharbini, Belait. 2. Puan Zahrah binti Muhammad, Brunei. 3. Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said, Belait.

PEMBUKAAN MINGGU BAHASA

(Dari Muka Satu)

menyanyikan Lagu Minggu Bahasa dengan pakaian yang tertentu mengikut pasokan masing2 membawa sepandok dan chogan2 kata yang menggambarkan hasrat jiwa penduduk2 negeri ini yang keseluruhan-nya mendukung Minggu Bahasa yang di-lancarkan pada hari itu dan menggesa supaya bahasa Melayu di-amalkan pemakaian-nya oleh sa-tiap penduduk negeri ini.

Antara kata2 yang terpampang dalam sepandok2 itu berbunyi: "maju bahasa maju-lah bangsa," "bahasa lambang bersatu", "berchakap dan menulis-lah dengan bahasa Melayu", "gunakan-lah bahasa kebangsaan kita", "mempelajari bahasa Melayu bererti kita sama2 membangun satu bangsa dan negara," dan lain2.

Pada hari itu juga "Pameran Buku2" Minggu Bahasa telah di-buka dengan rasmi-nya pada pukul 10.30 pagi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Anak Haji Md. Saleh, Kadhi Besar, Brunei bertempat di-Dewan Pusat Kemasyarakatan Bandar Brunei.

Lebih 2,000 jenis buku2 Melayu berchorak pengetahuan, pendidikan, kebudayaan dan lain2 yang di-datangkan dari Toko2 Penerbitan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura sa-lain dari buku2 yang di-karang oleh pengarang2 tanah ayer yang berupa surat2 khabar, cherita2, surat2 perjanjian lama, sha'er dan lain2 termasuk hampir dua



Salah satu pasokan yang mengambil bahagian dalam perarakan Minggu Bahasa di-Bandar Brunei pada 10 April, 1961, kelihatan dengan sepandok2-nya.

ratus poster2 yang di-lukis oleh penduduk2 negeri ini yang terdiri dari murid2 sekolah2 Melayu dan bukan Melayu dan orang dewasa Melayu dan bukan Melayu yang membayangkan hasrat rayat terhadap hakikat Minggu Bahasa di-jalankan.

Sa-lama tujuh hari pameran buku2 itu di-buka untuk orang ramai tidak kurang 7,000 orang menyaksikan pameran tersebut.

Pada malam-nya pukul 7.30 Peraduan Minggu Bahasa bertempat di-hadapan Pasar yang terdiri dari sharahan, bakhah menyanyi, membacha sajak bagi murid2 sekolah Melayu dan bukan Melayu, dan orang dewasa Melayu bukan Melayu, telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Timbalan Setia Usaha Kerajaan.

Tidak kurang 21,000 orang penduduk2 negeri ini yang menyaksikan peraduan2 itu sa-lama sa-minggu di-adakan yang berakhir dengan malam aneka warna oleh Jawatan Kuasa Bahagian Sandiwara Minggu Bahasa, dan istiadat menyampaikan hadiah oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengeran Pemancha.

Pada hari itu juga di-tiap2 da'erah Belait, Tutong dan Temburong telah mengadakan upacara rasmi Minggu Bahasa sa-bagai perisytiharan lancar-nya Minggu Bahasa di-seluruh Negeri Brunei dengan di-kelolakan oleh Pegawai Da'erah masing2 yang ditugaskan kepada Jawatan Kuasa Minggu Bahasa Da'erah de-

ngan upacara yang tidak ada perbezaan-nya dengan apa yang di-laksanaakan di-Bandar Brunei.

Sa-belum menjelang-nya Minggu Bahasa di-lancarkan, tiap2 da'erah telah mengadakan peraduan2 Minggu Bahasa sa-bagai tapisan chalun2 yang mengambil bahagian peraduan Minggu Bahasa sa-negeri, yang di-selenggarakan oleh Jawatan Kuasa Minggu Bahasa bahagian da'erah masing2.

Kedai2 seluruh Negeri Brunei dalam masa Minggu Bahasa itu telah memasang kain2 sepandok yang bertulis nama kedai dan kata2 yang menggalakkan pemakaian bahasa Melayu.

Menurut apa yang telah berlangsung sa-panjang Minggu Bahasa itu dapat-lah di-pastikan bahawa satu dari usaha Kerajaan yang besar itu mendapat sambutan dari gulungan penduduk2 negeri ini yang berlainan bangsa dan mempunyai bahasa-nya masing2 itu dengan satu keyakinan bahawa bahasa Melayu boleh di-gunakan dalam segala urusan.

BUKU PELAWAT2 KA-RUMAH P.J.T.

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 12 April, 1961, buku pelawat, ka-Rumah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei di-tetapkan di-pintu masuk ka-pejabat baharu Pesuruh Jaya Tinggi di-antara pukul 9 pagi dan 6 petang pada tiap2 hari.

Kejayaan maktab

SERIA. — Delapan orang daripada sembilan orang penuntut Maktab Anthony Abell, Seria yang memasoki peperiksaan "Cambridge School Certificate" telah berjaya lulus dalam peperiksaan itu dengan mendapat sijil pangkat yang kedua dan ketiga.

Peraduan² Minggu Bahasa Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Peraduan² Minggu Bahasa Daerah Brunei dan Muara untuk memilih peserta² yang mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam pertandingan kejohanan sa-negeri ini telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin selama lima malam berturut² mulai dari 26 March yang lalu.

Pada tiap² malam itu ramai orang² dewasa dan kanak² sekolah lelaki dan perempuan telah menyaksikan peraduan² tersebut.

Keputusan² peraduan² itu ada-lah seperti di-bawah ini:

SHARAHAN

Sharahan orang² dewasa Melayu bahagian lelaki: Johan — Thani bin Muhammad dan naib johan — Sulaiman bin Chuchu kedua²-nya ia-lah penuntut² dari Maktab Perguruan Guru² Melayu Brunei.

Sharahan orang² dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Ang Kuang Teng dan naib johan — Chin Vui Kiong.

Sharahan murid² yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Lim Eng Joo dan naib johan Lim Eng Hui.

SAJAK

Membacha Sajak murid² Melayu bahagian lelaki: Johan — Abu Bakar bin Awang Tengah dan naib johan — Awangku Tajuddin bin Pengiran Mohamed Yassin.

Membacha Sajak murid² Melayu bahagian perempuan: Johan — Zahrah binti Muhammad dan naib johan — Nordiah binti Muhammad.

Membacha Sajak murid² yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Goh Thian Ping dan naib johan — Lim Eng Loke.

Membacha Sajak murid² yang bukan Melayu bahagian perempuan Johan — Mary Chen dan naib johan — Han Chui Yan.

Membacha Sajak orang² dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Balwant Singh dan naib johan — Lim Eng Joo.

Membacha Sajak orang² dewasa Melayu bahagian lelaki: Johan — A.W. Tengah dan naib johan — Sulaiman Metersad.

Membacha Sajak orang dewasa Melayu bahagian perempuan: Johan — Mordiah binti Muhammad dan naib johan — Naemah binti Awang Tengah.

NYANYI

Peraduan nyanyian murid² Melayu bahagian lelaki: Johan — Awangku Zaidi bin Pengiran Damit dan naib johan — Johari bin Haji Omar.

Peraduan nyanyian murid² Melayu bahagian perempuan: Johan — Aisah binti Awang Tengah dan naib johan — Zubaidah binti Haji Pauji.

Peraduan nyanyian murid² yang bukan Melayu bahagian

lelaki di-menangi oleh Barnard Loh.

Peraduan nyanyian murid² yang bukan Melayu bahagian perempuan: Johan — Mary Chen dan naib johan — Nyet Han.

Peraduan nyanyian orang² dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Balwant Singh dan naib johan — Jack Keasbery.

Peraduan nyanyian orang² dewasa bukan Melayu bahagian perempuan: Johan — Poong Kim Ping dan naib johan Grace Keasbery.

Peraduan nyanyian orang² dewasa Melayu bahagian lelaki: Johan — Awangku Emran bin Pengiran Manai dan naib johan — Mohamed Hussain Razak.

Peraduan nyanyian orang² dewasa Melayu bahagian perempuan: Johan — Aisah Sirat dan naib johan — Chegu Aminah binti Abdul Rahman.

BAHATH

Peraduan bahath di-menangi oleh Pasokan mengandongi Mohamed Yusuf bin Muhammad, Lim Eng Loke dan Lim Eng Lui.

Hadiah² kepada peserta² tersebut telah di-sampaikan oleh Inche Sunny bin Ahmad, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, pada malam 30 March di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

P.J.T. BANGGA MELAWAT KA-PAMERAN BUKU²

BANDAR BRUNEI. — "Saya berasa bangga melawat ka-Pameran Buku² Minggu Bahasa dan menyaksikan banyak buku² dari luar dan dalam negeri ini yang di-pamerkan di-dewan ini". Demikian kata Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei.

Tuan White menyatakan demikian kepada PELITA BRUNEI pada masa beliau melawat ka-Pameran Buku² Minggu Bahasa yang telah di-adakan di-dewan Pusat Kemasyarakatan baharu² ini.

Dalam pertemuan tersebut Tuan White menegaskan beliau juga telah menarek hati melihat buku² yang lama serta surat² perjanjian yang bersejarah yang di-pamerkan di-dewan itu.

Oleh kerana hal yang demikian,

beliau berharap supaya Kerajaan Brunei akan dapat menubuhkan sa-buah pejabat yang khas bagi menyimpan buku² dan surat² perjanjian tersebut untuk menjadi hak pusaka kepada masyarakat negeri ini pada masa hadapan kelak.

Dengan hal itu, kata-nya, dapat-lah mereka memahami tarikh dan lain²-nya yang bersangkutan paut dengan Negeri Brunei dari semenjak zaman purbakala.



Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White (kanan) kelihatan asheh membacha buku Melayu pada masa beliau melawat ka-pameran buku² di-Bandar Brunei baharu² ini.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan mengarang yang telah di-adakan di-negeri ini kerana menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan ada-lah seperti di-bawah ini:

Orang² dewasa Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Abdul Karim bin Mohamed Salleh, Pejabat Daerah, Seria. 2. Inche M. Noordin bin Haji Tengah, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Orang² dewasa Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Marhani binti Abdul Latif, Pejabat Pilehan Raya, Brunei. 2. Puan Hani binti Abdullah, F-21B Jalan Bendahara, Brunei.

Orang² dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Lim Kah Tiong, Pejabat Kewangan, Brunei. 2. Inche Lee Thian Soon, Pejabat Surat, Seria. 3. Inche Lam Keong Kui, Bukit Sawat, Belait. Kepujian—1. Inche Wong Ah Fatt, Pejabat Kehakiman, Brunei. 2. Inche Chia Tian Ching, CMD/MESC Section Sharikat Minyak Shell Berhad, Seria.

Orang² dewasa yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Rosalind Chin, Klinik Kesihatan, Daerah Seria. 2. Puan Thelma Teo, Pejabat Perubatan, Belait. 3. Puan Teo Sui Kim, Pejabat Surat, Seria. Kepujian—Puan W. E. Wainwright, Penge-tua, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.

Murid² Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Muslim bin Burut, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei. 2. Inche Abdullah bin Othman, Maktab Anthony Abell, Seria. 3. Inche Johari bin Abdul Rahman, Maktab Anthony Abell, Seria. Kepujian—1. Inche Ali bin Hassan, Maktab Anthony Abell, Seria dan Inche Jumadin bin Sa'ad, Maktab Anthony Abell, Seria.

Murid² Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Fatimah binti Ja'afar, Sekolah Tinggi Perem-

puan Raja Isteri, Bandar Brunei. 2. Puan Armah binti Adam, Maktab Anthony Abell, Seria. 3. Puan Mulia binti Abdul Rahman, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait. Kepujian—1. Puan Maimun binti Mohamed Salleh dan 2. Puan Rafiah binti Hussain—kedua² dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait.

Murid² yang bukan Melayu, bahagian lelaki: 1. Inche Chen Yu Soo. 2. Inche Ang Kuang Teng dan 3. Inche Lim Tiong Sin — ketiga²-nya dari Sekolah Menengah China, Chung Hwa, Bandar Brunei. Kepujian—1. Inche Yapp Kai San, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan 2. Inche Lim Eng Loke, Sekolah Menengah China, Chung Hwa, Bandar Brunei.

Murid² yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Lena Tien, Sekolah Saint Angela Convent, Seria. 2. Puan Liew Mei Yee, Sekolah Menengah Chung Ching, Seria.

Pemenang2 Peraduan Melukis Poster

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan melukis poster kerana menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan yang terbuka kepada pelukis2 di-seluruh negeri ini ada-lah seperti di-bawah ini.

Bahagian orang2 dewasa — Hadiah2 pertama, kedua dan ketiga Inche Kho Boon Thuan, 83 jalan Roberts, Brunei. Hadiah kasehan — 1. Inche Lim Boon Siew, Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait. 2. Inche Basiuni bin Ja'afar, Pejabat Perubatan, Brunei dan 3. Inche P. A. Arshady, Pejabat Kerja Raya, Brunei.

Bahagian murid2 sekolah — 1. Awangku Jaludin P.L., Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. 2. Inche Lim Eng Loke, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei dan 3. Inche Lim Lin Yee juga dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei. Hadiah2 kasehan — 1. Inche A. Rahim bin Ahmad, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. 2. Inche Mohamed Salleh bin Ibrahim, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei dan 3. Awangku Jaludin P.L. dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Peraduan poster yang terbuka kepada pelukis2 yang berumur 16 tahun ka-bawah — 1. Inche Lim Sue Peck, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei. 2. Inche Zainal Abidin bin Mohamed Tahir, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan 3. Inche Chin Yui Kiong, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Hadiah2 kasehan — 1. Inche Lim Fu Sin, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei. 2. Inche Chin Yui Kiong, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Inche Hitam bin Ahmad dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Peraduan melukis huruf2 (dikhususkan untuk murid2 Darjah 8, Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei) — 1. Inche Sood,

Darjah 8 C, 2. Inche Basir bin Ibrahim, Darjah 8 A, dan 3. Dayangku Rosni, Darjah 8 C. Hadiah kasehan — Inche Raus bin Ahmad, Darjah 8 B.

Hadiah2 khas — 1. Inche Liu Aya Luan, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei. 2. Inche Chan Siew Eng, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei dan 3. Inche Chuan Li Aen, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei. Hadiah kasehan — Inche Ang Lim Guan — Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei.

Hadiah2 untuk pelukis2 yang berjaya itu telah di-sampaikan di-Bandar Brunei pada malam 16 April yang lalu oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pamancha.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI

BERAKAS. — Mohamed Nassir Yassin telah menjadi johan dalam perlumbaan berjalan kaki sa-jauh sa-belas batu di-antara penuntut2 Maktab Perguruan Guru2 Melayu, Brunei baharu2 ini dengan mengambil masa 1 jam 53 minit.

Perlumbaan berjalan kaki itu telah di-adakan mulai dari Maktab Perguruan Guru2 Melayu, Brunei ka-pantai Berakas dan balek ka-maktab itu.

Tujuan mengadakan perlumbaan itu ia-lah kerana memilih wakil2 dari maktab tersebut yang akan masuk bertanding dalam perlumbaan berjalan kaki dari Muara ka-Bandar Brunei pada hari Ahad 30 April hadapan.

NAIB JOHAN

Gelaran naib johan di-menang oleh Basri Lahid dan diturut oleh Ismail Opak.

Menurut keterangan Pemangku Pengetua, Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei, Inche Mustapha bin Haji Tahir, saramai 64 orang penuntut2 lelaki maktab itu telah masuk berlumba dalam perlumbaan berjalan kaki sa-jauh sa-belas batu itu.

BANDAR BRUNEI MENANG TINJU

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 tinju dari Bandar Brunei telah memenangi 7 perlawanan tinju di-antara Bandar Brunei, Seria, Kuala Belait dan Labuan.

Labuan telah memenangi 3 perlawanan, Kuala Belait 2 perlawanan dan Seria satu perlawanan.

Pertandingan tinju itu telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei pada malam 8 April yang lalu.

Antara ramai para jemputan dan lain2nya yang telah menyaksikan pertandingan tinju itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed, dan Pesuruh Jaya Polis Negeri

Brunei, Tuan A.N. Outram.

Sa-lain dari itu di-adakan juga satu perlawanan yang khas di-antara Malcolm Elliott dari Kudat, Borneo Utara, dan Momin Idris dari Bandar Brunei.

Elliott telah menang perlawanan yang khas dalam pusingan yang kedua sa-telah pengadil perlawanan itu memerintahkan supaya Momin berhenti berlawan oleh kerana telinga kiri-nya be-lumaran dengan darah ditumbok oleh Elliott.

BAHASA MEMBENTOK PERPADUAN BANGSA — MOKSIN

BANDAR BRUNEI. — Bahasa itu-lah satu daripada alat2 yang terpenting dalam usaha melaksanakan chita2 membentok perpaduan bangsa, kata Inche Maksin bin Pukul, Setia Usaha Peraduan2 Minggu Bahasa, Daerah Brunei dan Muara dalam ucapan nya pada malam akhir peraduan2 Minggu Bahasa Daerah Brunei di-dewan S.O.A.S. College pada penghujung bulan yang lalu.

Hanya bahasa sahaja-lah yang betul2 boleh menjadi alat saling mengerti antara sa-sama kita penduduk2 dalam negeri ini yang berbagai2 bangsa dan kebudayaan-nya.

Dengan menggunakan satu bahasa itu neschaya akan tumbolah pandangan dan perasaan yang sama. Maka dengan adanya perasaan dan semangat yang sama, semua penduduk2 dalam Negeri Brunei ini akan terchipta-lah perpaduan bangsa dari berbagai2 bangsa dan keturunan.

Bahasa Melayu ada-lah Bahasa Kebangsaan dalam Negeri Brunei ini, sa-bagai mana yang tertulis dalam Perlembagaan baru Negeri Brunei dan telah pun di-ishtiharkan oleh Kerajaan Brunei pada 29-9-1959.

Jadi-nya hanya bahasa sahaja-lah yang betul2 boleh men-



Inche Maksin

jadi alat saling mengerti dan memahami antara sa-sama kita penduduk2 dalam sa-sabua negeri, yang di-dalam-nya terdiri dari berbagai2 bangsa dan kebudayaan-nya masing2.

Sebab itu tidak-lah dapat disangkal lagi betapa besar mustahak-nya kita mempunyai satu bahasa ia-itu Bahasa Kebangsaan yang dapat di-fahami oleh semua penduduk2 dalam negeri ini.

Bahasa Kebangsaan kita itu bukan sahaja di-gunakan dalam Negeri Brunei ini, malah di-seluruh Pulau2 Melayu, dan dengan hal ini-lah sangat-lah mustahak kita semua berchakap Bahasa Kebangsaan pada sa-tiap hari, kata Inche Maksin.

TA'AT SETIA ORANG2 INDIA

BANDAR BRUNEI. — Orang2 India di-Negeri Brunei telah mengumumkan akan memperjuangkan bersama2 kedaulatan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini demi kepentingan bangsa dan tanah ayer sa-bagai pernyataan "ta'at setia" yang tidak berbelah bagi kepada negeri ini.

Demikian antara lain telah dinyatakan oleh Inche A. Muthian, wakil orang2 India di-Brunei, dalam ucapan-nya di-upacara rasmi Minggu Bahasa yang berlangsung pada 10 April lepas.

Inche A. Muthian berkata :

"Sa-lain langkah mengadakan Minggu Bahasa ini saya berharap akan ada lagi langkah2 lain yang lebih2 memberi kesan untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu dengan amalan yang sungguh2 kepada penduduk2 negeri ini terutamanya orang2 yang bukan Melayu.

"Semoga langkah Kerajaan merasmikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Negeri Brunei itu akan beroleh kejayaan yang gemilang sesuai dengan chita2 bangsa di-Kepulauan Melayu yang telah menchapai kemerdekaan-nya itu.

AKAN BERDAULAT

Beliau juga menyatakan keyakinan-nya bahawa bahasa Melayu yang di-gunakan oleh 100 juta manusia di-Gugusan Pulau2 Melayu ini, yang pada satu masa nanti akan berdaulat di-Ibu Peritiwinya sa-jajar dengan bangsa2 yang maju di-dunia ini.

KEJAYAAN MAJOR GAGARIN KA-ANGKASA LEPAS

MOSCOW. — Russia telah berjaya menghantarkan manusia yang pertama sa-kali dalam dunia terbang ka-angkasa lepas dalam sa-buah kapal angkasa lepas pada hari Rabu yang lalu.

Orang itu ia-lah Major Alekseyevich Gagarin berumur 27 tahun. Ia sudah berkahwin dan mempunyai dua orang anak perempuan sa-orang berumur dua tahun dan sa-orang lagi berumur satu bulan.

Berita tersebut telah di-umumkan oleh shariat berita rasmi Kerajaan Russia bernama Tass. Menurut Radio Moscow, Major Gagarin telah mengedari dunia dalam kapal ruang angkasa yang di-namakan Vostok dengan mengambil masa 89 minit.

Dalam pengumuman-nya berkenaan dengan kejayaan Russia Tass berkata bahawa pusat2 mengesan kapal angkasa lepas itu telah dapat berhubung dengan manusia yang di-dalam-nya pada masa ia sedang dalam penerbangan.

BENDA HIDUP

Benda hidup yang pertama sa-kali di-terbangkan ka-ruang angkasa lepas dan di-turunkan kembali ka-bumi ia-lah sa-ekor anjing dan sa-ekor arnab yang di-lancharkan dari Russia.

Sa-ekor anjing bernama Laika telah di-lancharkan untuk mengelilingi bumi dalam tahun 1957 tetapi anjing itu telah hilang.

Dalam tahun 1958 sa-ekor anjing lagi, bernama Albina telah naik sa-tinggi 280 batu dalam sa-buah roket dan turun ka-bumi dengan selamat.

Pada tahun yang lalu pula dua ekor anjing bernama Streika dan Beika telah di-terbangkan ka-angkasa lepas dan di-bawa turun balek ka-bumi hidup sa-telah mengelilingi bumi di-ruang angkasa lepas.

Kapal angkasa lepas Russia itu

bersama2 Major Gagarin di-dalam-nya berat-nya 4,725 kilogram, tidak termasuk berat roket perengkat akhir yang melancarnya.

MENGALU2KAN

Perdana Menteri Tuan Nikita Khrushchev telah mengalu2kan kejayaan Major Gagarin dan mengucapkan tahniah atas kejayaan-nya.

Russia pada masa ini mempunyai lima orang lagi dalam latihan untuk di-terbangkan ka-angkasa lepas. Mereka ia-lah Aleksei Grachev, Aleksei Beloukonev, Gennaldy Mikhailov, Ivan Kachur dan A.N. Ischak.

**PENDUDOK2
MALAYA
BERJUMLAH
6,280,000**

KUALA LUMPUR.—Penduduk2 Malaya berjumlah 6,280,000 orang, demikian menurut penyata banchian tahun 1957 yang diterbitkan pada hari Rabu yang lalu.

Dengan jumlah tersebut, berti bahawa jumlah penduduk bertambah 2.8 peratus sa-tahun sejak tahun 1947.

Perubahan2 besar telah berlaku dalam kedudukan jumlah bangsa2 yang mendiami di-Malaya. Dalam tahun 1921 jumlah orang Melayu sa-banyak 54 peratus dari lain2 kaum, tetapi 10 tahun kemudian angka tersebut turun menjadi 49 peratus.

Walau pun kemasokan bangsa asing ka-Malaya telah di-batasi keras antara 1947 dan 1957, tetapi jumlah orang2 China sahingga banchi di-adakan sejak tahun 1952 belum lagi meningkat 50 peratus—Utusan Melayu.

H. I. B. SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI — Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Lela Menchanai dan Raja Isteri Fatimah telah mengadakan sambutan Hari Ibu Bapa sekolah2 itu pada hari2 Sabtu dan Ahad yang lalu.

PERARAKAN M. B. DI-B. B.



Murid2 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei kelihatan berbaris melalui sa-buah jalan raya di-Bandar Brunei dalam perarakan menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan.



Pemandangan2 ketika di-langsungkan istiadat pembukaan rasmi Minggu Bahasa Kebangsaan di-Bandar Brunei baharu2 ini. Kanan ia-lah di-antara murid2 Sekolah dan gambar di-seluruh kiri penuntut2 lelaki dan guru2 dari sa-buah maktab yang mengambil bahagian di-istiadat yang bersejarah itu.



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah mengistiharkan pembukaan rasmi Minggu Bahasa Kebangsaan di-Bandar Brunei pada pagi 10 April yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama D.C. White sedang membawakan ucapan di-istiadat tersebut.